



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

# E-BULETIN ACIS UITM CPP

**LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU**

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI  
2024**






# **WAKAF ILMU**



# HARTA DAN KONFLIK KELUARGA



Penulis: Ustazah Azizon binti Salleh  
Pensyarah Kanan ACIS UiTM CPP

**Harta yang dianugerahkan kepada manusia merupakan hak milik Allah SWT secara mutlak dan manusia hanyalah diberi amanah untuk mengurus, memelihara dan memanfaatkannya untuk diri sendiri, masyarakat dan agama demi mendapatkan keredhaan Allah SWT.**

Islam menggalakkan umatnya memperoleh dan memelihara harta. Menurut al-Syatibi, harta merupakan salah satu daripada lima maslahat yang diberikan perhatian dalam maqasid syariah selain daripada maslahat memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal fikiran (intelekt), dan memelihara keturunan atau kehormatan.

Islam juga melihat harta sebagai suatu yang baik dan berfungsi sebagai alat yang membantu kehidupan manusia serta merupakan salah satu kurniaan Allah SWT yang besar untuk kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat.

Konflik keluarga adalah perkara yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan masyarakat. Pertikaian mengenai harta pusaka sering kali menjadi punca utama konflik dalam kalangan ahli keluarga terutamanya selepas kematian ketua keluarga.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlaku konflik harta dalam kalangan ahli keluarga adalah:

**Pertama:** Masyarakat kurang kefahaman terhadap konsep sebenar pewarisan harta secara farāid. Pembahagian hak kepada waris-waris yang berhak melalui pemahaman hukum ini secara literal telah menjurus kepada masalah pemecahan tanah pusaka kepada bahagian-bahagian yang kecil sehingga menjadikannya kurang bernilai serta tidak mempunyai potensi untuk dibangunkan. Ramai di kalangan masyarakat Melayu mengharapkan hanya golongan tertentu untuk menguruskannya ataupun tidak prihatin akan tuntutan Syara' tersebut.

**Kedua:** Pandangan serong masyarakat bahawa tidak wajar untuk mempercepatkan pembahagian harta untuk mengelakkan disalah tafsir sebagai tidak menghormati pemilik harta yang baru meninggal dunia juga boleh menyekat proses pembahagian harta pusaka dibuat dengan segera. Keadaan seumpama ini secara tidak langsung telah menghalang usaha murni waris-waris yang mempunyai pemahaman dan kesedaran berkenaan perkara tersebut untuk melaksanakan tugas pembahagian harta.

**Ketiga:** Waris sering bertelingkah atas isu lain sebagai contoh apabila isteri meninggal dunia dan tidak mempunyai anak. Si mati mempunyai konflik dengan suaminya. Dengan itu, keluarga isteri tidak berbaik lagi dengan pihak suami. Maka, timbul isu siapakah pentadbir yang perlu dilantik bagi menguruskan harta pusaka si isteri/arwah? Berlakulah sesi perebutan dan saling menyalahi hingga melambatkan proses pengurusan dan pembahagian harta si arwah tersebut.

**Keempat:** Terdapat di kalangan waris ini sudah merasa selesa duduk di rumah atau tanah yang dimiliki oleh si mati tersebut sebelum beliau meninggal dunia. Mereka risau sekiranya rumah atau tanah tersebut diuruskan dengan segera dan dibahagikan, mereka harus keluar daripada rumah/tanah tersebut.

Maka, berlakulah konflik dan masalah hingga melibatkan saman-menyaman dan tuntutan di Mahkamah Syariah dan Sivil bertahun-tahun tiada penyelesaian apabila pihak yang telah mengambil tanah/rumah/duit tersebut enggan untuk memulangkannya dengan cara baik.

Langkah menangani konflik keluarga adalah dengan memahami konsep faraid secara mendalam. Faraid adalah sistem pembahagian harta pusaka yang ditetapkan oleh ALLAH SWT dalam al-Quran dan hadis. Sudah tentu apabila datangnya dari petunjuk Ilahi dan nabawi, pasti ia menggariskan peruntukan yang jelas tentang bahagian-bahagian yang patut diterima oleh setiap ahli waris. Memahami hukum itu akan membantu ahli keluarga menghargai keadilan yang terkandung dalam faraid dan mengelakkan perselisihan faham.

Kepentingan pendidikan mengenai faraid harus diberikan sejak awal lagi kepada semua ahli keluarga. Semua itu boleh digali menerusi kelas-kelas agama, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh institusi agama dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Selain itu, media massa dilihat berupaya memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat mengenai faraid. Dengan meningkatkan kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab dalam pembahagian harta pusaka, ahli keluarga akan lebih bersedia menerima keputusan pembahagian faraid dengan berlapang dada tanpa rasa tidak puas hati.

Institusi agama seperti Majlis Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah perlu memainkan peranan proaktif dalam menyelesaikan konflik keluarga yang berkaitan dengan harta pusaka. Antaranya dengan cara menyediakan kaunseling dan mediasi untuk membantu ahli keluarga mencapai persetujuan yang adil dan saksama.

Selain itu, mereka juga boleh memberikan nasihat dan panduan mengenai pelaksanaan faraid secara tepat dan berkesan. Strategi berkesan dalam menangani konflik adalah melalui perundingan keluarga. Setiap anggota famili boleh duduk bersama dan berbincang secara terbuka mengenai pembahagian harta pusaka. Pastikan setiap suara, pandangan dan kehendak semua pihak terlibat perlu didengari secara adil.

Dengan cara itu, setiap ahli keluarga akan merasa dihargai dan didengari, mengurangkan potensi konflik dan ketegangan. Pengantaraan oleh pihak ketiga yang neutral dan berpengetahuan tentang faraid boleh membantu mencari jalan penyelesaian yang adil dan memuaskan semua pihak. Pihak ketiga yang dimaksudkan boleh terdiri daripada peguam syariah, kaunselor keluarga atau pakar faraid yang dilantik oleh Mahkamah Syariah.

Dokumentasi yang tidak jelas dan tepat adalah satu punca utama konflik adalah kekeliruan atau ketidakjelasan mengenai pembahagian harta pusaka.

Oleh itu, penting untuk kita memastikan semua dokumentasi berkaitan harta pusaka disediakan dengan jelas dan tepat. Ia termasuklah surat ikatan, dokumen pembelian dan wasiat.

Dokumen-dokumen itu haruslah disimpan dengan baik dan mudah diakses oleh ahli keluarga yang berhak. Pada masa sama, jangan abaikan teknologi yang ada dalam era digital kini.

Manfaatkanlah ia sebaiknya untuk memudahkan proses pembahagian harta pusaka. Sistem pengurusan harta pusaka dalam talian boleh dibangunkan untuk memantau dan merekodkan pembahagian secara telus dan efisien. Ia sekaligus boleh membantu mengurangkan kekeliruan dan pertikaian antara ahli keluarga.

Akhir sekali, penting untuk kita menekankan nilai-nilai kesabaran dan empati dalam menangani konflik keluarga. Setiap anggota famili harus berusaha memahami perasaan dan pandangan orang lain. Kesabaran dalam menghadapi proses pembahagian harta pusaka dan empati terhadap keperluan serta kehendak ahli waris lain adalah kunci utama untuk mencapai penyelesaian yang harmoni.

Kesimpulannya, menangani konflik keluarga melalui pendekatan faraid memerlukan pemahaman yang mendalam, pendidikan berterusan, peranan institusi agama, penggunaan wasiat, perundingan keluarga, mediasi pihak ketiga, dokumentasi yang jelas, penggunaan teknologi, kesabaran dan empati. Apabila semua strategi itu diaplikasikan, konflik yang timbul akibat pembahagian harta pusaka dapat diminimumkan dan keharmonian dalam keluarga dapat dipertahankan. Sesungguhnya, hukum faraid bukan sahaja menjamin keadilan dalam pembahagian harta, tetapi juga menguatkan institusi keluarga dalam masyarakat Islam.





اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لِيْ مِنْ اُمَّةٍ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.